

03 OCT 1999

KEATING MENGECEM HOWARD KERANA TIMOR TIMUR

Oleh: Neville D'Cruz

MELBOURNE, 3 Okt (Bernama) -- Bekas Perdana Menteri Australia Paul Keating hari ini membidas penggantinya John Howard kerana cara beliau mengendalikan isu Timor Timur, dengan berkata ia tidak lebih daripada mengambil kesempatan untuk menawan hati rakyat.

Keating berkata, Howard secara palsu mendakwa dirinya sebagai pejuang hak asasi manusia sedangkan pembabitannya di Timor Timur hanya percaturan politik yang silap untuk mendapatkan sokongan rakyat.

'Howard mendakwa beliau berjuang atas prinsip dan bukan kepentingan, tetapi dasar beliau itu lebih kepada mengambil kesempatan,' katanya di persidangan parti Buruh, di sini.

'Dalam tiga tahun pemerintahan, Howard menyebabkan jiran-jiran bertelagah dengan kita,' katanya lagi.

Australia mengetuai pasukan pengaman antarabangsa (Interfet) dengan 7,500 anggota di bekas tanah jajahan Portugis itu yang dilanda keganasan. Dari mula lagi Australia menerima kecaman dari dalam dan luar negara termasuk dari Malaysia kerana campurtangannya di Timor Timur.

Beribu-ribu orang dikatakan terbunuh dalam kempen keganasan oleh militia pro Jakarta di Timor Timur ekoran pungutan suara pada Ogos lepas yang majoriti penduduknya mengundi untuk menamatkan pemerintahan 23 tahun Indonesia di wilayah itu.

Awal minggu ini di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) di New York, Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengkritik keangkuhan Australia dalam bertindak di Timor Timur dan mencadangkan Asean mengambil alih tugas menjaga keamanan daripada Australia.

-- BERNAMA.

NDC PR